

27 MAY 1996

SAP JANGKA JUALAN RM280 JUTA DARI PEMBANGUNAN SEMULA BANDAR RAWANG

SHAH ALAM, Mei 27 (Bernama) -- SAP Holdings Bhd telah diberi mandat oleh kerajaan negeri Selangor untuk membangunkan semula bandar Rawang yang melibatkan tanah kerajaan negeri seluas 30.33 hektar dengan kos pembangunan bernilai RM220 juta dan nilai jualan RM280 juta.

Projek yang mengambil masa enam tahun itu akan dimulakan pada bulan Oktober kata Pengerusi SAP Holdings Bhd, Datuk Yaacob A Hamid selepas menandatangani perjanjian penswastaan projek pembangunan bandar Rawang di antara kerajaan negeri Selangor dan SAP.

Dalam kenyataan hari ini, SAP berkata ia mempunyai 70 peratus kepentingan dalam projek tersebut melalui anak syarikatnya SAP Rawang Development Sdn Bhd sementara Ciri Urus Sdn Bhd memegang 30 peratus lagi. Yaacob berkata projek itu akan mengandungi tiga Fasa iaitu pembangunan kompleks kerajaan, diikuti oleh projek komersil dan kemudian pangsapuri.

Pelancaran jualan untuk unit komersial dan pangsapuri akan turut dijalankan dalam bulan Oktober, kata beliau sambil menambah bahawa Bumiputera akan diberikan peruntukan kuota sebanyak 50 peratus.

Bandar Rawang akan dilengkapi dengan sebuah kompleks pentadbiran kerajaan, sebuah kompleks pejabat dan hotel, sebuah pasaraya, 77 unit deretan bangunan komersil empat tingkat dan 21 unit bangunan kedai pejabat dua tingkat, 549 unit pangsapuri serta 128 unit perumahan kerajaan.

Turut disediakan ialah pasar moden, surau, perpustakaan, pusat sukan dan rekreasi serta perhentian bas.

Yaacob juga berkata, SAP akan memperolehi banyak kepakaran baru dari projek itu yang merupakan yang pertama seumpamanya bagi syarikat tersebut.

"Jika SAP dapat membuktikan kemampuannya di dalam projek ini, kerajaan negeri Selangor telah memberikan tanda-tanda untuk syarikat membuat tawaran bagi pembangunan semula bandar-bandar lama seperti Ulu Selangor, Banting Kuala Selangor dan lain-lain," kata beliau lagi.

Sementara itu, Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Hj Muhd Taib yang menyaksikan upacara menandatangani tersebut berkata, bandar Rawang dipilih kerana ia membentuk sebagai sebahagian daripada komponen pembandaran Anjung Utara dan Lembah Bernam, satu kawasan pembangunan ekonomi negara yang baru sedang dimajukan oleh kerajaan negeri.

Apabila siap, Bandar Baru Rawang akan menjadi bandar yang "berinteraksi" dengan Lembah Klang dan ia akan berupaya menggunakan perhubungan pengangkutan lebuhrayanya yang dibina oleh Projek Lebuhraya Utara Selatan, serta perkhidmatan Komuter Grid Nasional Keretapi Tanah Melayu, yang akan menghubungkan Rawang dengan Lembah Klang, Seremban dan Selatan Semenanjung menerusi Kuala Lumpur.

Wujudnya rangkaian ini, mungkin di masa akan datang, bandar ini mampu menjadi sebuah pusat pembangunan satelit bagi bandar raya Kuala Lumpur.

Menurut beliau, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed telah membuat persediaan untuk memperkenalkan beberapa pembaharuan lagi di dalam urusan pembandaran di negara ini, khususnya menerusi pembangunan Koridor Multi Media yang meliputi kawasan PutraJaya, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur dan Kuala Lumpur. -- BERNAMA

ZZ OS